

**PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS
NEGERI SABAH**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI SELASA, 29 NOVEMBER 2022, PUKUL 10:00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah Cukai Jualan Negeri yang dianggarkan diterima pada tahun ini bagi sektor minyak dan gas.
- *2. **YB. Tuan Haji Dumi Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan lepasan sekolah yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi.
- *3. **YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak [Usukan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, apakah strategi pelaburan yang diambil bagi memacu perkembangan ekonomi negeri tahun 2022.
- *4. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN:-**
 - a) berapakah bilangan Maktab Perguruan yang beroperasi di Sabah ketika ini; dan
 - b) apakah dan berapakah bilangan institusi pendidikan awam negeri di Sabah ketika ini.
- *5. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah inisiatif-inisiatif yang sudah dilaksanakan atau bakal dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita sebagai Ketua adat/kampung.
- *6. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah rancangan pihak kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan pertanian di DUN N.41 Liawan.
- *7. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status loji air di kawasan Ulu Lumagar, Bongawan.

- *8. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, adakah perancangan kementerian untuk membina sebuah kompleks sukan serba lengkap di daerah Telupid, bagi memudahkan sebarang aktiviti sukan atau program kerajaan dijalankan serta menjimatkan kos pengangkutan memandangkan tanah telah pun tersedia sebesar 20 ekar.
- *9. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah inisiatif kerajaan untuk membantu membangunkan produk pelancongan di Kadamaian.
- *10. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah jumlah rumah B40 yang telah dibaikpulih dan dibina baru di kawasan Sandakan.
- *11. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah perancangan kerajaan berkenaan program bina baru rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi mengatasi masalah setinggan di kawasan bandar khususnya daerah Keningau.
- *12. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah inisiatif dan bantuan yang boleh diberikan kepada orang tua, keluarga daif dan miskin tegar kerana ada segelintir daripada mereka telah dihentikan bantuan kebajikan yang mereka terima dan ada juga yang sedang berusaha untuk memohon bantuan kebajikan tetapi masih dalam proses menunggu.
- *13. **YB. Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah status usaha-usaha yang telah diambil untuk memastikan talian internet yang lancar dan laju di kawasan luar bandar.
- *14. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, adakah kerajaan menyediakan apa-apa peruntukan khas berkaitan penambahbaikan kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah di negeri ini kerana ADUN sering menerima permohonan sumbangan untuk hal sedemikian.
- *15. **YB. Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kerajaan telah usahakan penerbangan tambahan bersama Air Asia atau MAS untuk Sabah bagi membolehkan warga Sabah balik ke kampung halaman berikutan kesukaran warga Sabah untuk balik kerana tiket kapal terbang yang terlalu mahal.

- *16. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, nyatakan kos, nama dan status projek dalam program Jalan Luar Bandar (JALB) dalam Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11) dan RMK 12 di Sabah.
- *17. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, adakah Kementerian bercadang menaik taraf kemudahan padang-padang bola sepak dan gelanggang sukan lain di kampung-kampung di seluruh Kadamaian.
- *18. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah tindakan daripada pihak Kementerian untuk memastikan jalan-jalan pertanian yang telah menjadi jalan perhubungan utama antara kawasan luar bandar dan bandar dapat dinaik taraf atau diturap.
- *19. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah tindakan atau kerjasama kerajaan mengenai pembinaan lebuh raya oleh kerajaan Republik Indonesia di sempadan Sabah- Kalimantan; dan
 - b) apakah status pembinaan jajaran lebuh raya menghubungkan Sabah- Kalimantan di kawasan Kalabakan- Simangaris, Pagalungan - Malinau dan Long Pasia – Krayan.
- *20. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapakah senarai penerima baharu program bantuan kebajikan dan senarai penerima yang tidak diperbaharui untuk menerima bantuan di Kadamaian pada tahun ini.
- *21. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini rancangan LPKP Sabah untuk menyelesaikan masalah bilangan bas yang terlalu banyak serta masalah kegagalan sistem bas di bandaraya Kota Kinabalu.
- *22. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, bilakah Kampus Satelit di bawah JPSM di daerah Telupid akan dilaksanakan memandangkan tanah telahpun tersedia.
- *23. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bilakah kawasan pembuangan sampah di Batu 8 akan mempunyai sistem pengurusan pembuangan sampah yang sistematik.

- *24. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah langkah kerajaan untuk pastikan rakyat Sabah sentiasa mendapat kemudahan asas yang sempurna termasuk kawasan bandar dan luar bandar.
- *25. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [Luyang]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah status pengagihan terkini program Skim Jaya Usahawan Belia secara terperinci mengikut daerah, kaum penerima, umur, jantina dan sebagainya.
- *26. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) adakah kerajaan negeri akan mengkaji semula gaji kakitangan awam kontrak dan bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 hingga 15 tahun; dan
 - b) adakah mereka ini akan diserapkan ke jawatan yang bergaji tetap.
- *27. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN** sekolah-sekolah di Sabah, terutamanya di kawasan luar bandar yang serba kekurangan memerlukan dana terutama untuk bahagian penyelenggaraan fasiliti sekolah. Apakah usaha dan perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah ini.
- *28. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah pelan induk pencegahan banjir di Bandaraya Kota Kinabalu.
- *29. **YB Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah inisiatif baru untuk membantu golongan miskin, miskin tegar, B40, M20 dari segi pembayaran balik hutang, pembayaran yuran sekolah, dan perbelanjaan dapur dalam pasca COVID-19.
- *30. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah kerajaan mempunyai rancangan bagi membantu serta memperkasa generasi kedua atau ketiga rancangan pekebun kecil Silabukan.
- *31. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah langkah kerajaan bagi memastikan pekerja beragama Islam tidak terlibat dalam operasi jual beli di premis perniagaan yang menjual alkohol.
- *32. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan bercadang untuk meminda Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) bagi menyalurkan peruntukan dan pindaan yang dibuat kepada Akta Kerja 1955.

- *33. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah pihak kementerian merancang untuk menaik taraf jambatan Bailey Sin Onn Tiku dan juga jambatan Bailey Sungai Serudung Jalan Maria, Batu 17.
- *34. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, nyatakan jumlah kes jenayah di Kota Kinabalu dari tahun 2018 hingga terkini dan tindakan kerajaan dalam mengurangkan kes jenayah berkenaan.
- *35. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah perkembangan kemudahan Pasar Muhibbah yang dikatakan hanya berstatus sementara dan adakah cadangan untuk menambah baik tapak pasar tersebut agar tidak berlaku air bertakung ketika musim hujan.
- *36. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [Luyang]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah senarai projek-projek infrastruktur yang telahpun dirancang dan akan dibina di Kota Kinabalu di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.
- *37. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bilakah Pejabat Jabatan Tanah boleh beroperasi di daerah Telupid.
- *38. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah jalan-jalan luar bandar di Kampung Sungai Nipah, Kampung Simuning, Kampung Pamanhutan dan Kampung Tegupi akan dibina.
- *39. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah langkah yang diambil kerajaan negeri dalam mengatasi masalah keciciran pelajar pendidikan khas khususnya daripada kawasan Pantai Timur yang berdepan masalah jarak sekolah yang jauh yang menyebabkan segelintir mereka terpaksa merantau sehingga ke Kota Kinabalu untuk menyambung pendidikan di sekolah menengah.
- *40. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah manfaat yang akan diterima ataupun impak positif terhadap daerah Tawau di bawah pelan tindakan Sabah Maju Jaya dan apakah visi kerajaan untuk membangunkan daerah Tawau.
- *41. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan setiap DUN dengan mengambil kira faktor demografi kawasan setiap DUN berbanding tahun 2022 bagi membolehkan pembangunan dan kebajikan setiap kawasan Sabah terus tersusun dan berjalan dengan lebih rancak.

- *42. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II:-**
- a) adakah berlaku pengurangan kawasan setinggan di Sabah khususnya di Bandaraya Kota Kinabalu; dan
 - b) bilakah kerajaan meletakkan sasaran untuk mencapai matlamat setinggan sifar.
- *43. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah kewarganegaraan yang diluluskan melibatkan rakyat Sabah dari tahun 2021 hingga sekarang.
- *44. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian bagi membantu golongan petani khususnya berkenaan dengan harga padi biasa masih kekal sedangkan kos pengurusan seperti jentera, pembajakan dan meracun telah meningkat.
- *45. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) bilakah bekalan air luar bandar akan dibekalkan kepada penduduk Kampung Tambisan; dan
 - b) bilakah bekalan air luar bandar akan dibekalkan kepada kawasan Tanjung Labian.
- *46. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan kerajaan untuk menyelesaikan isu banjir yang terjadi di Taman Kapital dan sekitar kawasan Sin Onn.
- *47. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah status terkini peruntukan RM48 juta yang telah diumumkan Timbalan Menteri Pendidikan pada Januari 2022 yang lalu bagi membina bangunan baharu SK Rampayan, Menggatal.
- *48. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) bagaimana Kementerian memantau setiap kerja baik pulih jalan raya yang rosak; dan

- b) apakah Langkah penyelesaian tuntas yang dilakukan Kementerian dalam memastikan jalan raya yang telah dibaik pulih bertahan lebih lama.
- *49. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, nyatakan status projek sistem pengurusan *non revenue water* di Sabah dan usaha pengawalan aktiviti kecurian air di Kota Kinabalu, Sabah.
- *50. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, langkah kementerian dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Kukusan khususnya di Jalan Utara Baru.
- *51. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah status pengambilan tanah bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau dan bilakah projek tersebut akan siap sepenuhnya.
- *52. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, kenapa masih belum ada tindak balas daripada MPS berkaitan dengan permohonan PPR daripada penduduk setinggan belakang Petronas yang telah mendapat notis untuk dirobohkan rumah mereka termasuk mereka yang telah dirobohkan rumah.
- *53. **YB. Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) adakah kerajaan mempunyai skala peruntukan kayu belian untuk pasaran Sabah; dan
 - b) jika ada, berapa tan kayu belian ini boleh dipohon oleh wakil-wakil rakyat pada setiap tahun untuk membina jambatan-jambatan kayu yang amat diperlukan oleh rakyat Sabah.

* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.